



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

KEMERDEKAAN DAN ISLAM

Oleh:

**BAHAGIAN MAKTABAH
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK**

Saban tahun, tanggal 31 Ogos merupakan tarikh yang dikhususkan untuk meraikan hari kemerdekaan di bumi Malaysia sekaligus membuktikan negara yang berdaulat ini bebas dari penjajahan. Kemerdekaan yang dimiliki ketika ini bukanlah berarti kita boleh untuk bersenang lenang dan bebas melakukan apa sahaja. Tetapi, kemerdekaan yang dikecapi ini menuntut pemimpin dan rakyat untuk mempertahankannya agar ia tidak lenyap dari genggaman.

Islam menuntut umatnya supaya memerdekakan diri dari sebarang unsur penjajahan. Ketika zaman jahiliah, amalan penghambaan merupakan tradisi yang sering dilakukan bagi membuktikan kekuatan dan kemegahan seseorang. Lantas, Islam hadir dengan memansuhkan amalan penghambaan ini. Jika dilihat dari sudut feqah, terdapat beberapa hukum yang memerlukan kepada pembebasan hamba seperti kafarah sumpah, zihar, ila' dan persetubuhan antara suami isteri pada siang hari dalam waktu Ramadhan. Firman Allah SWT dalam surah al Maidah ayat 89:

فَكَفَّرْتُهُ بِإِطْعَامِ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تَطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ

Maksudnya: "Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba".

Malahan Rasulullah SAW menggalakkan umatnya supaya membebaskan hamba.
Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَعْتَقَ رَقَبَةً أَعْتَقَ اللَّهُ بِكُلِّ عَضْوٍ مِنْهَا عَضْوًا مِنْ أَعْضَائِهِ مِنَ النَّارِ حَتَّىٰ فَرَجَهُ بِفَرَجِهِ



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Maksudnya: “Barangsiapa yang membebaskan seorang hamba, Allah akan membebaskan setiap anggota badannya daripada neraka sehingga dia terselamat dengannya.”

(HR al-Bukhari)

Jelaslah bahawa kemerdekaan merupakan sesuatu perkara yang amat bernilai dan perlu dimiliki oleh setiap insan. Dengan memperolehi kemerdekaan, seseorang itu mampu melaksanakan pengabdian dan ketaatan kepada Allah SWT tanpa sebarang gangguan dan halangan. Pada masa yang sama, apabila ibadat dapat dilaksanakan tanpa sebarang gangguan, maka iman seseorang akan lebih kukuh dan semakin dekat dengan RabNya. Kerana itulah, kemerdekaan adalah antara aspek yang terpenting dalam menjadikan seorang muslim itu dapat menunaikan tanggungjawabnya kepada Allah SWT.

Umum mengetahui bahawa dengan memiliki kemerdekaan, sesebuah negara dapat melakukan pentadbirannya dengan sendiri tanpa campur tangan dari mana-mana pihak. Ini bermakna sesebuah negara Islam yang sudah merdeka seharusnya meletakkan Islam itu sebagai asas dalam pentadbiran serta meninggikan syiar Islam. Maka, janganlah pula dimasukkan unsur-unsur yang akan merosakkan erti kemerdekaan ini. Sepertimana firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 112 :

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ

Maksudnya : “Dan (berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar) Allah memberikan satu contoh: Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan”.



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Oleh yang demikian, kemerdekaan yang dikurniakan oleh Allah SWT bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan sebaliknya ia perlulah dinikmati dan disyukuri dengan kaedah yang paling baik. Maka, setiap muslim perlu melaksanakan setiap perintah Allah SWT di dalam negara ini sebagai tanda kesyukuran atas nikmat kemerdekaan yang dikurniakan. Ini termasuklah memberikan kesedaran dan peringatan tentang makna kemerdekaan dan makna diri seorang Muslim itu sendiri kerana sesungguhnya manusia sering lupa dan alpa ketika dilimpahi kenikmatan dari Yang Maha Esa. Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7 :

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ^ص وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya : Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras.

Ironinya, kesyukuran kepada Tuhan bukanlah hanya terikat pada waktu-waktu tertentu sahaja, bahkan kesyukuran ini perlu dilaksanakan pada setiap ketika dan keadaan mahupun apa jua situasi. Begitulah juga dengan kemerdekaan ini, janganlah kita hanya mengenang atau mengingati pada waktu sambutan sahaja, tetapi ia perlulah diingati sepanjang masa agar kita lebih belajar untuk menghargai di kala ada di antara kita yang tidak memahami jerih payah orang-orang terdahulu mendapatkan kemerdekaan.

Dalam masa yang sama, kemerdekaan ini tidak seharusnya diisi dengan perkara-perkara yang mencemar kesucian Islam. Saban tahun, kerap kali ia dilihat diisi dengan acara-acara yang melalaikan seperti konsert nyanyian dan tarian, pesta-pesta, pelbagai pertunjukan dan lain-lain lagi. Ini semua akan menatijahkan kesan negatif kepada masyarakat yang akhirnya masyarakat akan semakin terpesong dari jalan syariat. Maka sewajarnya perkara-perkara yang melalaikan serta jahiliah sebegini perlu dihentikan selaras dengan kemajuan yang ada ketika ini.



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Selain itu, amat membimbangkan apabila lambakan anak luar nikah disinonimkan dengan sambutan kemerdekaan. Ini kerana ramai pasangan mengambil kesempatan dalam sambutan tersebut dengan melakukan perbuatan yang terkutuk demi memuaskan nafsu masing-masing. Perkara sebegini sangat memberikan kesan negatif dalam pembangunan masyarakat dan negara. Tatkala negara sedang mengejar arus kemodenan, kita dicemari dengan kes-kes keruntuhan akhlak masyarakat sekaligus merencatkan pembangunan akhlak masyarakat negara yang mana ia perlu seiring dengan agenda pembangunan negara.

Tuntasnya, tidak dinafikan Malaysia telah bebas dari cengkaman penjajah. Akan tetapi, kita masih dibelenggu dengan pemikiran Barat yang sukar ditinggalkan dalam aspek sosial, intelektual dan normalisasi kehidupan. Sebagai contoh dalam aspek sosial, sebahagian besar masyarakat masih lagi tidak menjaga batas pergaulan dan amalan muamalah sesama manusia. Keadaan ini merencatkan proses pembinaan modal insan yang mengikuti telunjuk syarak. Seterusnya dalam aspek intelektual pula, masyarakat kini terpengaruh dengan ideologi-ideologi yang dibawa oleh Barat seperti liberalisme, sekularisme, pluralisme, literalisme, modernisme dan banyak lagi. Kesemua perkara ini adalah barah kepada masyarakat Islam khususnya. Begitu juga dengan normalisasi kehidupan masa kini yang cuba mengubah nilai-nilai yang dibawa oleh Islam. Contohnya, masyarakat tidak lagi mementingkan keperluan amar makruf nahi munkar malahan bersikap mengutamakan diri sendiri berbanding orang lain. Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Oleh yang demikian, kemerdekaan dan kemajuan perlulah seiring dengan kehendak semasa. Negara yang dicintai ini telah merdeka selama 66 tahun. Maka, wajarlah bagi setiap masyarakat untuk menikmati kemajuan yang mampu memberikan keselesaan kepada mereka tanpa mengeneppikan aspek syarak. Pihak yang berwajib perlu menggunakan ruang kemerdekaan ini demi membangunkan negara sebaik mungkin dengan cara menawarkan peluang pendidikan dan pekerjaan yang baik agar masyarakat yang bertamadun dapat dilahirkan serta dapat membasmi kemelesetan kemiskinan yang dilalui oleh masyarakat. Pada masa yang sama, mereka juga perlu menyediakan infrastruktur dan prasana yang lengkap seiring dengan tanggungjawab yang dipikul. Sekiranya mereka melaksanakan tugas mereka ini dengan penuh tanggungjawab berteraskan prinsip integriti, maka Allah SWT pasti melimpahkan rahmat dan kebaikan kepada negara yang tercinta ini. Firman Allah SWT dalam surah al-Araf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا
فَأَخَذْنَا مِنْهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Tambahan pula, sebagai seorang manusia yang berilmu dan berakal seharusnya kita menjadi seseorang yang bersifat berlapang dada, lebih-lebih lagi dalam aspek memberi dan menerima teguran. Kemerdekaan yang dimaksudkan Islam ini langsung tidak menafikan kebebasan bersuara. Masyarakat berhak memberi teguran dan kritikan yang membina sekiranya terdapat keperluan padanya. Akan tetapi, mereka juga haruslah bersedia untuk menerima nasihat daripada orang lain. Janganlah pula kita menjadi insan yang suka menegur tetapi tidak boleh ditegur, walhal setiap orang memerlukan nasihat daripada orang lain demi memajukan diri sendiri. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tamim ad-Dari RA:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ، قُلْنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Maksudnya: “Agama itu adalah nasihat. Kami (para sahabat) bertanya: Bagi siapa (Ya Rasulullah). Baginda menjawab; Bagi Allah, Kitab-Nya, Rasul-Nya, pemimpin-pemimpin umat Islam serta orang Islam umumnya”. (HR Muslim)

Intaha, setiap individu perlu menghayati erti kemerdekaan yang sebenar menurut syarak dan perlu memainkan peranan supaya dapat mencapai objektif utama iaitu menghambakan diri kepada Allah. Maka, apalah erti kemerdekaan jika tidak disandarkan kepada Allah. Apa yang dimiliki di dunia ini hanyalah bersifat sementara, begitu juga dengan kemerdekaan. Tidak mustahil nikmat kemerdekaan ini akan ditarik semula jika tidak disyukuri dengan kaedah yang benar. Justeru, marilah kita bersama-sama memelihara anugerah yang telah dikurniakan oleh Allah SWT ini demi memastikan apa yang dikecapi dapat dipertahankan.